

Mencapai Inflasi Kosong Peratus

Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana negara kita bukan sahaja aman dan stabil, juga pesat membangun. Adalah jelas bahawa pertumbuhan ekonomi yang pesat ini, rakyat turut menikmati peningkatan di dalam pendapatan mereka.

Oleh kerana kadar inflasi kita adalah rendah, rakyat negara ini pada keseluruhannya tidak menghadapi masalah seperti rakyat sesetengah negara yang mengalami kadar inflasi yang melambung tinggi. Mereka sentiasa mendapati pendapatan mereka tidak mencukupi untuk membeli barang-barang keperluan. Kita di negara ini bernasib baik kerana harga barang keperluan boleh dianggap stabil.


Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna kita boleh berpeluk tubuh dan berpuas hati. Rakyat perlu dimaklum dan dididik mengenai pentingnya mencegah inflasi. Rakyat harus sedar bahawa sebarang peningkatan pendapatan yang diperolehi tidak akan memberi apa-apa faedah kepada rakyat jika tambahan pendapatan tersebut hanyalah untuk menampung peningkatan harga barang ataupun perkhidmatan yang perlu dibayar oleh para pengguna.

Oleh itu, peranan gerakan kepenggunaan pada masa ini adalah lebih mencabar kerana boleh memainkan peranan penting dalam membantu menangani masalah inflasi dengan memberi maklum balas kepada Kerajaan serta mengadakan program-program pendidikan mengenai bahayanya inflasi dan mempelajari cara-cara membanteraskannya. Pengguna, iaitu

kita semua akan memperolehi nikmat daripada usaha-usaha ini.

Walaupun pendapat umum ialah peningkatan harga atau inflasi adalah perkara biasa yang tidak boleh dielakkan, terutama apabila ekonomi tumbuh dengan pesatnya, sebenarnya inflasi boleh dibanteras sehingga ke tahap sifar atau '*zero inflation*'. Memang benar, ini tidak mudah dilakukan tetapi kita tahu di sesetengah negara, inflasi sebanyak 1,000 peratus setahun adalah perkara biasa, sama ada ekonomi tumbuh atau tidak. Manakala, di negara-negara lain, termasuk negara kita, inflasi hanya di paras empat peratus setahun. Tentulah ada sesuatu yang salah yang dilakukan di negara yang inflasinya tinggi atau sesuatu yang baik di negara yang inflasinya rendah. Jika kita dapat pastikan apa yang salah dan apa yang betul dalam membanteras inflasi, tentu ada kemungkinan kita dapat menurunkan lagi inflasi kita hingga ke paras sifar atau lebih rendah dari itu.

Inflasi selalunya kerana permintaan melebihi penawaran. Jika sesuatu khidmat atau barang tidak penting untuk kehidupan, dengan hanya tidak membeli, pengguna boleh mengurangkan permintaan dan dengan itu harga. Jika barang itu penting, pengguna boleh mengurangkan penggunaannya atau mencari barang ganti. Umpamanya, jika harga sesuatu barang itu mahal, kita boleh kurangkan memakan barang itu atau memakan barang ganti. Pengguna mesti sanggup mendisiplinkan diri dalam menangani masalah ini.



Dato' Seri Dr. Mahathir

Kita juga harus tahu kenapa harga meningkat. Kerjasama semua pihak untuk mengenal pasti sebab-sebab kenaikan harga adalah mustahak. Ini kerana semua yang terlibat dengan apa-apa khidmat atau barang yang dijual yang telah naik harga adalah juga pengguna. Mereka mungkin mendapat pendapatan yang lebih daripada kenaikan harga khidmat atau barang mereka tetapi kenaikan harga itu juga akan menaikkan khidmat atau barang-barang lain. Ini kerana orang lain perlu menambah pendapatan mereka untuk membeli barang yang sudah naik harga.

Negara kita adalah negara dagangan. Kekayaan kita datang daripada keupayaan kita mengeksport barang pembuatan. Kita hanya boleh mengeksport jika barang kita boleh bersaing di pasaran dunia. Untuk ini, kita perlu kawal dengan rapi kos pengeluaran kita. Kos kita boleh dikurangkan dengan menurunkan nilai mata wang kita. Tetapi, ini akan menjadikan kita miskin kerana

Tanggungjawab Kepemimpinan Kepenggunaan

Sebagai pemimpin-pemimpin yang mewakili pelbagai pertubuhan dan kelompok masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan sudah tentu dapat mengambil inisiatif untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang tuan-tuan dan puan-puan pimpin. Justeru itulah,

perhimpunan ini diadakan bagi melengkapkan pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan mengenai isu-isu kepenggunaan agar berupaya sebagai agen perubahan dengan lebih berkesan.

Gambaran yang kerap ditonjolkan mengenai sistem ekonomi bebas ialah kecekapan ekonomi dan kesejahteraan pengguna akan tercapai jika pasaran tidak dikongkong, sama ada dari segi permintaan maupun penawaran.

Namun begitu, dalam keadaan sebenarnya, pasaran ekonomi bebas di merata dunia tidak memberi kesejahteraan seperti yang dijangkakan. Setiap hari kita mendengar pelbagai aduan tentang ketidakpuasan pengguna terhadap barang dan perkhidmatan yang dibeli. Ini biasa berlaku kepada barang dan perkhidmatan perlu. Pengguna tidak mempunyai pilihan membeli barang atau perkhidmatan gantian (substitute) atau pilihan untuk tidak membeli.

Kehadiran ini kerap dikatakan berpunca daripada ketidaksempurnaan dalam pasaran (market imperfections), iaitu pasaran barang atau perkhidmatan yang tidak sempurna. Pasaran sempurna mesti mempunyai beberapa ciri penting seperti:

- i) Barang homogenous, iaitu yang tidak mempunyai kualiti yang berbeza-beza,
- ii) Bilangan pembeli dan penjual yang ramai,
- iii) Pembeli dan penjual berdekatan antara satu dengan yang lain, iaitu mudah berkomunikasi,
- iv) Tiada wujud pilih kasih atau keutamaan di kalangan pembeli dan
- v) Barang mudah dipindah daripada seorang kepada seorang yang lain.

Ciri-ciri tersebut akan menyebabkan harga tidak berganjak dan kestabilan harga ini memudahkan perancangan semua pihak. Tersirat dalam ciri-ciri tersebut ialah andaian bahawa terdapat pengetahuan sempurna di kalangan pembeli dan penjual dalam pasaran.



YB. Dato' Abu Hassan Hj. Omar
Menteri Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna

Kesempurnaan ini merangkumi unsur etika moral seperti tiada pilih kasih dan tiada kecurangan pembeli maupun penjual dalam pelbagai aspek.

Jika ciri-ciri di atas dijadikan asas penilaian terhadap pasaran barang atau perkhidmatan, jelaslah bahawa inflasi dan gejala buruk lain yang wujud dalam pasaran disebabkan manusia yang serba tidak sempurna. Di sinilah perlunya rakyat di semua peringkat meningkatkan pengetahuan mengenai inflasi dan gejala buruk lain, membina sikap dan nilai yang murni. Seterusnya, berperanan secara efektif, sama ada sebagai pengeluar, pengedar, peruncit atau pengguna. Jika kita harapkan layanan patut kepada kita sebagai pengguna, kita juga mesti rela memberi layanan patut kepada orang lain yang mengguna barang atau perkhidmatan yang kita keluarkan.

Tuan-tuan dan puan-puan mempunyai tanggungjawab penting untuk mengembangkan apa yang telah disampaikan ini kepada ahli masing-masing. Penyebaran mesej dan peningkatan keupayaan bertindak sebagai pengguna yang bijak perlu dikembangkan dengan cepat supaya ramai pengguna memahami mengenai inflasi serta meningkatkan keupayaan sebagai pengguna yang bijak. Dengan itu, hasrat Kerajaan untuk mengawal kadar inflasi di bawah empat peratus dan mewujudkan inflasi sifar (zero inflation) bukanlah sesuatu yang mustahil.

Petikan Ucapan YB. Menteri di Upacara Penutup Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan 29 Oktober 1994

Penasihat
YB. Dato' Hj. Abu Hassan
Hj. Omar
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna*

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang
Y.Bhg. Dato' Hj. Samsudin Osman

Penasihat Pengarang
Encik Mohd Hamdan Adnan
Dr. Sothi S. Rachagan
Encik Bisan Singh Bahadur

Pengarang
Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi
Encik Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang
Encik Lim Ming Lee
Mat Yusop Yaakup

Pengedar
FOMCA

Warta CERMAT diterbitkan secara bulanan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama FOMCA. Sumbangan, rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang
Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Ruko 250, Tingkat 23, Menara Maybank,
100, Jalan Tun Perak
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-2329555
Fax: 03-2359555

Bersama Menggerakkan Kepenggunaan


Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berlangsung dengan jayanya pada hari Sabtu, 29 Oktober lalu.

Majlis perasmian yang dilakukan oleh YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah dihadiri oleh 3,000 orang yang terdiri daripada peserta dan pemerhati.

Para peserta terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat daripada semua kaum, agama dan datang dari seluruh negara. Juga, turut hadir ialah pemimpin-pemimpin daripada semua parti komponen Barisan Nasional dari seluruh peringkat dan seluruh negara. Kehadiran mereka adalah untuk mempelajari, membincang dan mengetahui mengenai isu-isu

kepenggunaan yang menarik minat ketika ini, iaitu isu-isu seperti peningkatan kualiti hidup, isu ekonomi, perdagangan, dan khususnya usaha negara untuk membanteras inflasi.

Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan ini yang julung kali diadakan, merupakan kegiatan kempen anti-inflasi dan pendidikan kepenggunaan peringkat nasional bertujuan memberi penerangan yang lengkap kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin Pergerakan



YB. Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (kanan sekali), Pengerusi Jawatankuasa Induk Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan bersama Perdana Menteri (Tengah) dan Menteri (kiri).

Pengguna mengenai tugas dan tanggungjawab mereka dalam gerakan kepenggunaan dalam usaha membanteras inflasi.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Seminar Kebangsaan Hakcipta dan Teknologi Baru

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Hakcipta dan Teknologi-Teknologi Baru di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Seminar tersebut yang dirasmikan oleh YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar, Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 22 November, sementara majlis penutupnya oleh YB. Datuk Dr. Sak Cheng Lum, Setiausaha Parlimen Kementerian pada 24 November lalu.

Tujuan seminar tersebut adalah untuk mendedahkan para peserta dan industri yang berkaitan dengan hakcipta tempatan kepada perkembangan terbaru dalam bidang hakcipta, terutamanya perlindungan terhadap teknologi-teknologi baru. Pada waktu yang sama, memberi peluang kepada semua pihak yang terlibat, sama ada

secara langsung atau tidak, berbincang dan memberi maklum balas demi kepentingan bersama.

Sebanyak sepuluh kertas kerja yang meliputi aspek-aspek asas hakcipta dan hubungannya dengan teknologi-teknologi baru dalam bidang komputer, multi-media, rakaman bunyi, reprografi, satelit dan sebagainya telah dibentangkan. Para penceramahnya adalah terdiri daripada lapan pakar dari luar negeri seperti Australia, Jepun, Singapura, dan Poland serta seorang penceramah tempatan telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja yang berkaitan.

Seramai 84 peserta yang mewakili pelbagai Jabatan Kerajaan, Agensi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi-institusi yang berkaitan telah menghadiri seminar ini.



WANITA dan KEPENGGUNAAN

Dari masa ke masa, masyarakat terus mengalami arus perubahan yang semakin hari semakin kompleks. Sama ada dari segi sosio-ekonomi maupun dari aspek sosio-budaya. Perubahan ini membawa kepada satu perubahan gaya hidup kesan daripada perkembangan teknologi yang menjadikan pasaran di sesebuah negara semakin kompleks dari sehari ke sehari.

Kesannya, individu dalam sesebuah masyarakat mendapati semakin sukar untuk membuat pilihan atau keputusan. Sebagai pengguna setiap individu dalam masyarakat hari ini terpaksa bersifat lebih peka dan prihatin dalam segenap aspek kepenggunaan ketika menghadapi perubahan ini. Mereka harus lebih teliti dan bijak dalam membuat sesuatu

wanita sememangnya mempunyai kuasa yang lebih dan bertanggungjawab dalam proses membuat sesuatu pilihan... ...keputusan kepenggunaan untuk keluarga mereka

keputusan. Di sinilah pentingnya pendidikan kepenggunaan, terutama bagi pengguna yang mempunyai kuasa yang lebih dan bertanggungjawab dalam proses membuat pilihan bagi individu-individu lain; umpamanya, kaum wanita bertanggungjawab membuat keputusan kepenggunaan untuk keluarga mereka.

Di dalam hal ini, wanita sememangnya mempunyai peranan yang penting kerana

lazimnya kaum lelaki lebih berperanan untuk mendapatkan sumber perbelanjaan dan yang menguruskannya adalah wanita.

Jika dihayati, wanita merupakan kumpulan individu yang mempunyai kuasa yang besar dalam membuat pilihan dan keputusan keluarga. Hampir 90 peratus urusan rumah tangga dikendalikan oleh wanita. Wanitalah lazimnya menentukan makanan apakah yang terbaik untuk disajikan kepada keluarga dan pakaian serta barang apakah yang sesuai untuk anak-anak dan ahli-ahli keluarga yang lain. Malah, segala keperluan keluarga seisi rumah adalah selalunya ditentukan oleh wanita. Ini jelas kepada kita bahawa kaum wanita mempunyai kuasa yang lebih dan membuat pilihan sebagai pengguna.

Pentingnya peranan kaum wanita sebagai pengguna menjelaskan kepada kita betapa pentingnya pengetahuan kepenggunaan kepada kaum wanita.

Di samping menimba pengetahuan dan kemajuan dalam bidang-bidang lain, kaum



Berhati-hatilah ketika menyaksikan promosi barang sebegini.

Tindakan Pengguna

- Waspada dalam setiap pembelian. Periksa dengan teliti setiap barang seperti labelnya, kandungannya dan tarikh luput.
- Mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna.
- Mendapatkan maklumat secukupnya mengenai barang yang hendak dibeli.
- Lebih peka dengan perubahan dalam pasaran.
- Jangan mudah terpedaya dengan iklan-iklan jenama baru barang.
- Sentiasa menilai mutu barang dan perkhidmatan dengan nilai wang yang dikeluarkan.

wanita juga perlu berusaha melengkap dan menyediakan diri dengan pendidikan kepenggunaan. Ini adalah penting

kerana setiap keputusan dan pilihan yang dibuat oleh wanita sama ada sebagai ibu mahupun isteri akan menentukan dan menjamin keselamatan serta kesejahteraan kesihatan ahli-ahli keluarga mereka.

Bagaimana pengguna dapat melengkapkan diri dengan pengetahuan kepenggunaan?

* melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna seperti Pusat Maklumat Harga, Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dan Daerah

* melalui persatuan-persatuan pengguna

* ceramah-ceramah kepenggunaan

* melalui media cetak dan elektronik seperti akhbar-akhbar, majalah dan televisyen

* seminar/bengkel kepenggunaan

* didikan kepenggunaan

Lebih-lebih lagi, kaum wanita kini juga merupakan tenaga kerja yang penting dan aktif dalam memberi sumbangan kepada pembangunan pesat negara. Pendapatan yang diperolehi sendiri oleh kaum wanita ini menjadikan kuasa beli mereka lebih tinggi. Mereka lebih bebas untuk berbelanja tanpa dikongkong oleh mana-mana pihak.

Dalam keadaan pasaran yang semakin kompleks ini, kaum wanita seharusnya sentiasa menimbang setiap pilihan bagi setiap pembelian barang atau perkhidmatan.

Dalam erti kata lain, mereka perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan kepenggunaan yang meluas agar mereka tidak mudah terperangkap dengan muslihat para peniaga. Ini kerana kaum wanita merupakan pengguna yang menjadi tumpuan utama kebanyakan para pengiklan dan peniaga untuk barang atau perkhidmatan mereka.

Oleh hal yang demikian, seharusnya kaum wanita lebih berhati-hati dalam membuat pilihan dan keputusan kepenggunaan.



Setiap wanita berperanan penting dalam membuat keputusan kepenggunaan.

Virus Penyakit Kuning

Penyakit Kuning atau Hepatitis A adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus atau benih penyakit. Penyakit ini cepat merebak dalam keadaan hidup harian yang kurang mementingkan kebersihan diri dan kesihatan, makanan dan alam sekeliling. Ia boleh menjangkiti semua peringkat umur.

Di antara tanda-tanda penyakit Kuning yang didapati pada seseorang ialah demam, letih/lesu, tidak berselera, rasa loya, sakit perut, mata dan kulit menjadi kuning dan air kencing seakan-akan warna cokelat.

Bagaimanapun, bukan semua pesakit kuning mengidap tanda-tanda seperti yang disebutkan tadi. Jumlah doktor di Klinik atau Pusat Kesihatan

berhampiran jika anda inginkan kepastian.

Virus Penyakit Kuning boleh dijumpai dalam najis dan darah pesakit atau pembawa penyakit. Ia didapati senang memasuki usus sistem badan manusia melalui berbagai punca antaranya ialah makanan dan minuman boleh dicemari oleh virus Penyakit Kuning dengan cara-cara seperti berikut:

Tidak mencuci tangan dengan sabun dan air yang bersih setiap kali selepas membuang air besar sebelum makan atau sebelum menyediakan makanan.

Membuang najis di merata-rata tempat dan bukan di tandas yang sempurna.

Memakan makanan terdedah yang telah dihinggapi oleh lalat.

Memakan buah-buahan dan sayur-sayuran yang tidak dicuci terlebih dahulu.

Tidak makan makanan yang telah dimasak dengan sempurna.

Meskipun Penyakit Kuning tidak merupakan sejenis penyakit yang serius di negara ini, semua pihak haruslah sama-sama sentiasa berwaspada dan prihatin terhadap segala amalan yang tidak sihat tadi.

Langkah yang terbaik ialah dengan menjaga dan menjamin suasana persekitaran yang bersih. Amalkan budaya hidup yang sihat dan penjagaan kesihatan yang berterusan, terutama ketika menyediakan makanan dan sewaktu makan. Sesungguhnya, pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan.

Kelab Pengguna

Kuiz Pengguna Sekolah-Sekolah Terengganu

Pertandingan Kuiz Pengguna peringkat Daerah dan Negeri Sekolah Menengah Negeri Terengganu telah diadakan pada 3 September lalu.

Pada peringkat daerah, pertandingan kuiz dijalankan secara ujian bertulis. Sebanyak 38 sekolah menyertai pertandingan ini yang dijalankan serentak di empat daerah.

Sekolah-sekolah dari Dungun dan Kemaman di Sekolah Men Cukai, Kemaman. Sekolah-sekolah di Marang dan Hulu Terengganu di Pusat Kegiatan Guru, Hulu Terengganu. Sekolah-sekolah di Kuala Terengganu di Pusat Kegiatan Guru Terengganu Utara I dan Sekolah-sekolah dari Besut dan Setiu di Pejabat Pendidikan Daerah Besut.

Setelah ujian diadakan, empat sekolah terpilih ke peringkat Negeri berdasarkan empat sekolah yang memperolehi markah tertinggi dalam ujian tersebut. Dan, pada 17 September lalu, di Dewan Sekolah Menengah Tengku Bariah, Kuala Terengganu, pertandingan peringkat Negeri, Kuiz Pengguna Sekolah-sekolah Menengah

Negeri Terengganu diadakan dengan keputusan seperti berikut: Johan, Kuiz Pengguna Peringkat Negeri Terengganu dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Marang. Naib Johan pula Sekolah Menengah Tengku Mahmud, Besut. Manakala, tempat ketiga, Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Terengganu.

Hadiyah-hadiyah yang berupa Piala Pusingan, Hadiah dan Sijil Penyertaan telah disampaikan oleh Pengurus Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu, YB. Dato' Muda Mamat yang turut merasmikan majlis penutupan pertandingan tersebut.



Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

Tips Ringkas

Memilih Ikan Yang Segar

Ikan merupakan sumber protein yang penting dan amat disukai oleh semua golongan masyarakat di Malaysia. Tetapi tahukah anda bagaimana hendak memilih ikan yang elok dan segar untuk masakan anda? Sebagai panduan, anda boleh gunakan beberapa petua berikut ketika membeli ikan supaya anda memperolehi nilai yang sebaik-baiknya untuk nilai wang anda.

Ujian Bau. Jangan bimbang untuk menghidu. Bau ikan yang elok ialah seperti bau laut yang tidak keras dan bukan bau ikan yang hamis.

Insang Merah. Kemerahan insang ikan semakin lama semakin pudar dan menjadi warna cokelat apabila telah lama dan menjadi kelabu apaibal ikan itu busuk. Insang seharusnya bersih dari lendir dan kekotoran.

Kulit dan Sisik Ikan Mengilau. Kulit dan sisik ikan yang elok sepatutnya mengikut warna biasa jenis ikan itu dengan kilauan

seolah-olah ia basah dan sisiknya memaut ketat.

Perut. Kulit dan daging di sekeliling potongan untuk membuang perut ikan seharusnya tidak bertukar warna atau menjadi lembik. Tulang ikan seharusnya tidak menonjol keluar, bahagian kulit yang seharusnya tidak pecah.

Air Batu. Kesan-kesan kepingan air batu hancur yang mencair di atas kulit ikan itu bermakna ia berada pada suhu yang betul. Ia tidak seharusnya berada dalam keadaan beku.

Mata Berkilau, Tidak Tenggelam. Mata ikan seharusnya penuh dan cerah tanpa kesan-kesan darah. Jika ia telah mula menjadi putih atau kelabu oleh kerana lama terbenam dalam air batu hancur, kemungkinan ikan itu masih boleh diterima.

Daging Ikan yang Tegap, Menganjal. Apabila anda menekan ikan itu dengan jari, daging ikan harus menganjal kembali. Bagi



Ikan yang segar menjamin masakan yang lebih enak...

potongan ikan (*fillet*), jika ia meninggalkan lekok yang kemudian mengisi dengan air, ini bermakna ia telah dibeku dan kemudian dicair semula tidak seharusnya dijual sebagai segar (**potongan fillet akan lebih cepat menjadi busuk kerana lebih banyak kawasannya yang terdedah**).

Oleh hal yang demikian, berhati-hatilah ketika membeli ikan supaya anda memperolehi ikan yang segar dan baik

Menyediakan Senarai Beli-Belah

Pengguna yang bijak akan menyediakan senarai beli-belah sebelum keluar dari rumah untuk membeli-belah. Senarai beli-belah ialah barang-barang yang telah dirancang untuk dibeli dan ditulis di atas kertas. Ia menjadi panduan pengguna untuk membeli barang-barang yang diperlukannya dan juga oleh keluarga.

Tujuan menyediakan senarai beli-belah bukan sahaja sebagai peringatan apa yang perlu dibeli bahkan juga untuk memastikan bahawa pengguna tidak membeli-belah secara mendadak. Senarai ini turut membantu pengguna supaya lebih berdisiplin dan kegiatan membeli-belah dan memastikan belanjawannya tidak terjejas.

Senarai ini membantu pengguna membuat pembelian yang terancang. Iaitu dari segi wang yang hendak dibelanjakan hingga kepada tempat barang-barang tersebut boleh dibeli dengan harga yang berpatutan. Dengan adanya senarai itu, pengguna juga boleh menentukan di mana dia harus mendapatkan barang-barang itu secara setempat tanpa membazir masa dan tenaga.

Semasa menyediakan senarai beli-belah, sebaik-baiknya, pengguna bertanya kepada semua ahli keluarga atau rakan serumah (jika tinggal rumah bujang). Ini supaya semua pihak yang terbabit dapat menyuarakan pandangan dan keperluan mereka di samping dapat mewujudkan kemesraan serta

rasa kekitaan dan semangat bertanggungjawab semua pihak.

Bahagikan jenis-jenis atau kategori barang yang hendak dibeli bagi memudahkan rujukan dan mempercepatkan kegiatan membeli-belah.

Jadikanlah senarai beli-belah sebagai rujukan utama. Jangan biarkan orang lain, terutama jurujual mempengaruhi keputusan membeli-belah anda, membeli barang yang kurang perlu.

Senarai membeli-belah bukan sahaja dapat menjimatkan, mengelakkan pembaziran masa, tenaga dan wang malah, melatih anda lebih berwaspada dan bersikap lebih praktikal.

Sambungan dari hal.... 1

semua barang kita yang perlu diimport, termasuk makanan, akan naik harga secara menyeluruh. Apabila ini berlaku, semua rakyat akan menuntut kenaikan upah atau peniaga menambah peratusan keuntungan. Semua ini menyebabkan inflasi berlaku. Jika inflasi yang tinggi tidak terdapat di negara kita, sebabnya ialah kita tidak cuba mengejar inflasi dengan kenaikan upah atau kenaikan keuntungan. Sebaliknya, kita menekankan produktiviti sebagai cara mengawal inflasi dan mengekalkan daya saingan kita.

Kita harus faham bahawa yang penting bukan jumlah wang yang kita perolehi tetapi jumlah barang dan perkhidmatan yang boleh kita beli dengan wang kita. Inflasi bukanlah sesuatu yang tidak boleh dibendung. Yang diperlukan ialah kesahaman mengenai mekanisme inflasi oleh semua pihak, termasuk pekerja dan kesatuan sekerja serta kesanggupan mendisiplinkan diri bertindak mencegah atau menurunkan inflasi. Memiliki wang yang banyak tidak bermakna kaya dan memiliki wang yang sedikit tidak bermakna miskin. Di sebuah negara Eropah, semua rakyatnya multibillionaire, iaitu tiap seorang diupah dan memiliki berbillion unit mata wangnya, tetapi semuanya miskin. Apakah kita ingin menjadi billionaire jenis ini? Kita semua mempunyai '*split personality*'. Sementara kita semua adalah pengguna yang menyokong usaha untuk mengawal harga, kita juga adalah pengeluar dan peniaga/pekerja, dan sebagai penjual, kita dengan senang hati menaikkan harga, lalu, menyumbang kepada inflasi.

Jika kita ikhlas untuk mengawal inflasi, kita harus bersikap sama di mana kita menjadi pengguna dan di masa kita menjadi pembekal. Sementara kita tidak mahu inflasi sebagai pengguna, kita juga jangan menolong menaikkan inflasi dengan tindakan kita. Jika kebenaran bahawa pengguna dan penyumbang kepada inflasi adalah orang yang sama difahami dan diingati oleh kita semua, bukan sahaja inflasi boleh dikawal bahkan ia boleh diturunkan.

Kerajaan juga tidak boleh mengecualikan diri daripada kebenaran ini. Cukai boleh menaikkan inflasi seperti lain-lain tambahan kos. Sebab itu Kerajaan telah menghapus dan menurunkan cukai sejak beberapa tahun lepas. Dan, Kerajaan mesti menyertai rakyat dalam mengawal inflasi. Pengawalan inflasi adalah tugas dan tanggungjawab semua. Keuntungan daripada kejayaan mengawal inflasi akan dinikmati oleh semua rakyat dan negara keseluruhannya. Justeru itu, semua rakyat harus menyertai kempen melawan inflasi, sama ada sebagai pengguna dengan kesatuan-kesatuan pengguna, sebagai pembekal barang dan khidmat mahupun orang perseorangan. Ingatlah bahawa yang penting bukan jumlah wang tetapi '*purchasing power*' atau kuasa membeli. Orang yang miskin daripada segi jumlah wangnya tetapi kaya daripada segi kuasa membelinya adalah lebih kaya dan lebih bahagia.

Petikan Sebahagian Ucapan YAB. Perdana Menteri di Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan 29 Oktober lalu.

CERMAT

Warta Bulanan Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Kepada:

SETEM

Warta **CERMAT** ialah risalah rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diterbitkan secara bulanan. Semua bahan dan karya yang tersiar bagaimanapun, tidak semestinya menunjukkan pendirian kementerian. Penggunaan semula karya atau sebarang bahan yang tersiar adalah dialu-alukan dengan pernyataan penghargaan kepada penerbit.